

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	LAGI TAPAK SAMPAH HARAM DEKAT SUNGAI SKUDAI DIKESAN
	SUMBER	BH (23 DISEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	21 (NASIONAL)

BH Isnin, 23 Disember 2024

Nasional

# Lagi tapak sampah haram dekat Sungai Skudai dikesan

**Penduduk Kampung Telok Serdang resah kawasan pembuangan semakin meluas**

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Sebuah lagi tapak pembuangan sampah haram dikesan berdekatan Sungai Skudai di sini, kali ini terletak di Kampung Telok Serdang, Perling, kira-kira 150 meter dari saliran awam itu.

Ia selepas pendedahan mengenai kewujudan tapak pelupusan sampah haram di tebing Sungai Danga, yang terletak di Kampung Tuah Jaya, hanya 3.3 kilometer (km) dari kawasan berkenaan.

Tinjauan di Kampung Telok Serdang, mendapati tapak pembuangan sampah haram seluas padang bola itu berada di pinggir Sungai Skudai, yang sering dilaporkan tercemar dan dipenuhi sampah sarap.

Kebanyakan sampah dilihat termasuk longgokan beg plastik sampah domestik, botol dan bungkusan makanan, selain buangan bahan binaan, yang menimbulkan bau busuk.

Penduduk kampung yang hanya mahu dikenali sebagai Helmi, 38, berkata kewujudan tapak pembuangan sampah haram disedari sejak lima tahun lalu.

Katanya, pada mulanya sampah di tapak pembuangan haram berkenaan dibuang lori kecil yang memasuki kampung itu pada awal pagi.



Tinjauan BH di Kampung Telok Serdang mendapati tapak pembuangan sampah haram seluas padang bola itu berada di pinggir Sungai Skudai. (Foto Iskandar Ishak/BH)

"Namun, kini ratusan penduduk etnik Rohingya yang tinggal di kampung berkenaan turut membuang sampah harian mereka di situ.

"Malah masih ada lagi lori yang masuk buang sampah di situ, malah penduduk kampung etnik Rohingya juga menjadikan tapak sampah haram itu makin besar.

"Ia menyebabkan bau busuk dan persekitaran kampung ini tercemar berikutan sikap etnik Rohingnya yang tidak mementingkan kebersihan dan membuang sampah sesuka hati.

"Penduduk tempatan pernah menegur etnik Rohingnya, malah lori yang masuk supaya sampah tidak dibuang di sini, namun ia menjadi pergaduhan pula," katanya ketika ditemui.

Oktober lalu, media melaporkan penduduk Kampung Tuah Jaya, kecewa susulan kewujudan sebuah tapak pelupusan sampah

haram berhampiran Sungai Danga yang menyebabkan pencemaran udara dan menjejaskan kesihatan awam.

Ia menyebabkan beberapa lokasi di kawasan pinggir Sungai Danga dipenuhi longgokan sampah yang menghasilkan bau busuk.

Bulan lalu pula, timbunan sampah tidak berkesudahan dilaporkan terdampar di tebing Sungai Skudai, di sini, bukan sahaja mencemarkan sumber bekalan air negeri, malah mengundang penandingan menjijikkan.

#### Lapor SWCorp

Sementara itu, Ahli Parlimen Pulau, Suhaizan Kayat, berkata beliau sudah melaporkan kewujudan tapak sampah haram di kampung berkenaan kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Katanya, ia susulan aduan pen-

diduk menyebabkan SWCorp sudah mengambil tindakan susulan risikan dilakukan agensi berkenaan sebelum ini.

"Namun, nampaknya isu ini masih berulang dengan lori haram masih masuk dan buang sampah, selain diburukkan dengan tindakan etnik Rohingnya yang turut buang sampah di situ.

"Penduduk kampung seharusnya menyekat lori haram ini memasuki kampung mereka selain memberi kesedaran terhadap etnik Rohingnya tidak membuang sampah sesuka hati.

"Penduduk kampung wajib faham kerosakan dan pencemaran sungai ini kosnya mahal, apatah lagi kerajaan baru sahaja meluluskan peruntukan RM99.8 juta bagi mengatasi pencemaran Sungai Skudai yang teruk tercemar, selain membersihkan kawasan tapak sampah haram di sekitar pinggir sungai," katanya.

2.	TAJUK	PELAKSANAAN SSPA : PELUANG PENJAWAT AWAM ADA DIPLOMA, IJAZAH NAIK PANGKAT
	SUMBER	BH (27 DISEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	PERKHIDMATAN AWAM
	MUKA SURAT/RUANGAN	1 (MUKA DEPAN), 3 (NASIONAL)

## Pelaksanaan SSPA

# Peluang penjawat awam ada diploma, ijazah naik pangkat



JPA sedang melaksanakan kajian bagi memberi peluang kepada penjawat awam berpangkat rendah yang mempunyai kelayakan akademik seperti diploma dan ijazah diberi kenaikan pangkat menerusi Fasa 2 Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, berkata kajian itu termasuk tuntutan oleh Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (AUEGCAS).

*Oleh Mohamed Farid Noh dan Mohd Iskandar Ibrahim → Nasional 3*

BH Jumat, 27 Disember 2024

Nasional

3

# JPA kaji penjawat awam pangkat rendah ada ijazah naik gred

**Tuntutan AUEGCAS dapat perhatian dalam kajian Fasa 2 SSPA**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohamed Farid Noh  
[hhnews@bh.com.my](mailto:hhnews@bh.com.my)

**Putrajaya:** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang melaksanakan kajian bagi memberi peluang kepada penjawat awam pangkat rendah, tetapi mempunyai kelayakan akademik lebih tinggi seperti tahap diploma dan ijazah untuk diberi kenaikan pangkat dalam Fasa 2 Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, berkata kajian dijalankan itu termasuklah tuntutan dibuat Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (AUEGCAS).

"Mengetahui tuntutan AUEGCAS, saya ingin menyatakan bahawa JPA sudah melaunchkan kajian sebelum pelaksanaan SSPA. Malah, beberapa sesi libat urus dijalankan, penjelasan sudah dibuat dalam beberapa siri persembahan dan perbincangan.

"Untuk makluman, semakan dan penambahbaikan sentiasa dilakukan secara berterusan. Tuntutan AUEGCAS supaya memberi peluang kepada pega-

wai awam mempunyai kelayakan akademik seperti diploma dan ijazah diberi kenaikan pangkat, sedang dalam kajian Fasa 2 SSPA," katanya kepada BH semalam.

Beliau mengulas kenyataan Setiausaha Agung AUEGCAS, Amir Hamzah Yakat Ali, yang mendakwa kira-kira 350,000 pembantu tadbir dalam sektor awam masih kekal pada Gred Lantikan 1 Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) atau Gred 29 Skim Saraan Malaysia (SSM), yang menyebabkan laluan kerjaya mereka bersekat dengan tangga gaji rendah.

Amir Hamzah mendakwa, situasi itu membabitkan pembantu tadbir dalam tugas pentadbiran dan kewangan sektor awam membabitkan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Tadbir (Kewangan), Pegawai Khidmat Pelanggan, Pembantu Akauntan, Pembantu Setiausaha Pejabat dan Pembantu Pengurusan Murid.

Ini kerana sejak 1950, syarat lantikan pembantu tadbir mengguna Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan syarat itu kekal sehingga kini, walaupun penjawat awam sekarang melaksanakan tugasan beraras tinggi dan kebanyakan mereka juga ada kelayakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), diploma, ijazah sarjana muda, selain pengalaman berkhidmat yang lama.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan laluan kerjaya mereka tersekat dengan tangga gaji rendah, selain berhadapan per-

**Eksklusif**

tindihan gred penyelesaian.

**Susulan itu, katanya, AUEGCAS menuntut kerajaan menyemak semula SSPA dengan melakukan penambahbaikan terhadap Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir demi kecekmatan dan keharmonian 350,000 penjawat awam seluruh negara.**

"Antara penambahbaikan skim perlu dilakukan adalah syarat lantikan perkhidmatan pembantu tadbir yang masih menggunakan SPM sejak 1950-an, ditaksir kepada Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), diploma atau setaraf.

"Kami sudah menyuarakan isu ini selama lebih 30 tahun melalui kertas kerja maha pun sesi libat urus supaya syarat lantikan kami diubah daripada SPM ke-

pada STPM atau diploma dan setaraf dengannya, namun sehingga kini ia tidak dapat direalisasikan," dakwanya.

Amir Hamzah berkata, tugas pembantu tadbir kini semakin bertambah dan perlu mempunyai keamahiran pelbagai kerana tanggungjawab mereka tidak lagi terhad kepada tugas pentadbiran biasa, sebaliknya turut merangkumi pelbagai bidang yang memerlukan kepakaran khusus.

"Skop tugas pembantu tadbir kini semakin meluas, sama dengan tugas penolong pegawai tadbir. Kami dilatih untuk mahir dalam perundangan, pekeliling serta peraturan bagi memastikan setiap dasar kerajaan kerajaan dilaksanakan sebaiknya.

"Kelayakan akademik dan keamahiran pembantu tadbir digunakan sepenuhnya jabatan masing-masing, namun mereka tidak diiktiraf sewajarnya dalam bentuk kenaikan pangkat dan tangga gaji bersestiaan," katanya.

Justeru, beliau meminta JPA menilai semula skim perjawatan pembantu tadbir dan memper-

timbangkan kenaikan pangkat mereka ke gred Penolong Pegawai Tadbir N29 di bawah SSM atau Gred NS SSPA supaya skim itu relevan dengan perkembangan semasa, selain memahami keperluan jabatan.

Mengulas lanjut, Wan Ahmad Dahlan yang menyifatkan dakwaan AUEGCAS itu agak mengejutkan, meminta pegawai skim terhadit menghubungi JPA untuk mendapatkan penjelasan terperinci, selain menyemak kenaikan dinikmati mereka susulan pelaksanaan gaji baharu menerusi kalkulator gaji yang disediakan pada portal SSPA.

"Dalam pada itu, bagi kakitangan skim perkhidmatan ini, mereka boleh memohon Peningkatan Secara Lanjutan (PSL) ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan lebih tinggi, sama ada pada peringkat diploma, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau Ijazah Sarjana Muda.

"Permohonan boleh dibuat kepada Pihak Berkuasa Melantik (PBM) untuk mengisi kekosongan jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan akademik yang dimiliki," katanya.

Justeru, Wan Ahmad Dahlan berkata, JPA sentiasa memberi perhatian dan mengkaji tuntutan dari mana-mana kumpulan pegawai awam melalui pelbagai sumber, termasuk media sosial.

"Sebagai contoh, ketika kajian SSPA dibuat, JPA mewujudkan portal khas untuk semasa pegawai awam menyuarakan hasrat dan kehendak penambahbaikan sistem saraan," katanya.



JPA sentiasa memberi perhatian dan mengkaji tuntutan daripada mana-mana kumpulan pegawai awam melalui pelbagai sumber, termasuk media sosial

Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi  
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**